

Teresa Kok disoal polis berhubung video kontroversi Onederful Malaysia
Malaysian Insider
Feb 13, 2014
OLEH ELIZABETH ZACHARIAH

Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok disoal siasat polis hari ini berhubung klip video kontroversinya bertajuk "Onederful Malaysia CNY 2014" yang dikatakan menghina orang Melayu, raja Melayu dan Islam.

Kok yang soal selama satu setengah jam di Ibu Pejabat Polis Kuala Lumpur berkata, kebanyakan soalan mengenai latar belakang video tersebut.

"Saya ditanya mengapa membuat video berkenaan dan tiga watak dalam klip itu," katanya, merujuk kepada watak-watak mahaguru "feng shui".

Dalam klip berdurasi 11 minit itu, Kok membawa watak sebagai pengacara rancangan bual bicara Feng Shui dan mengusik tiga ahli panel berkenaan pelbagai topik termasuk sistem pendidikan, kos sara hidup yang meningkat dan isu keselamatan di Sabah.

"Saya memberitahu mereka (pegawai polis) bahawa setiap kali Tahun Baru Cina, saya akan merakam video istimewa. Ia hanya untuk berseronok," tambah naib pengerusi DAP itu.

Beliau berkata, pegawai polis yang "mesra dan ramah" itu juga menyoal latar belakang peribadinya.

Kok disiasat di bawah Seksyen 505 (b) Kanun Keseksan kerana membuat kenyataan yang boleh menyebabkan kerosakan awam dan Seksyen 233 (1) (a) Akta Komunikasi dan Multimedia atas penggunaan tidak wajar terhadap kemudahan rangkaian atau perkhidmatan.

Pemimpin Umno dan NGO yang menyokong mengkritik video itu, dan lebih 300 laporan polis dibuat terhadap Kok kerana didakwa menghina orang Melayu, raja Melayu dan Islam.

Pada hari Selasa, polis menyoal Lim Chin Miao, salah seorang pelakon dalam klip video yang penuh dengan sindiran itu dan dua pelakon lain berikutan laporan yang dibuat terhadap Kok.

Polis juga menyoal empat orang ahli Majlis Jemaah NGO Islam yang mengadakan bantahan minggu lalu yang turut menyembelih dua ekor ayam serta menawarkan wang tunai RM1,200 kepada sesiapa yang berani menampar Kok.

Jurucakap NGO itu, Zulkifli Sharif yang menegaskan tawaran itu masih berlangsung, mendakwa beliau dan tiga yang lain memberi kenyataan kepada polis di Ibu Pejabat Polis Dang Wangi dua hari lepas.

"Polis mahu tahu di mana protes diadakan, bila dan apa yang tujuannya," kata Zulkifli sambil menambah keempat-empat mereka hadir tanpa membawa peguam.

Semasa perhimpunan, kumpulan itu juga melumur darah ayam yang disembelih pada sepanduk yang memaparkan gambar Kok, Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng, Penasihat DAP Lim Kit Siang dan Adun Machang Bubuk PKR Lee Khai Loon, individu bertanggungjawab terhadap "flash mob" menjejek Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkenaan kenyataan "kangkung" beliau.

Kok dan enam yang lain membuat laporan polis terhadap penunjuk perasaan pada pagi Jumaat tetapi Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menolak kebimbangan Kok dengan berkata tamparan tidak boleh dianggap sebagai satu ancaman.

Sementara itu, Kok juga menyelar kenyataan Ketua Pulau Pinang Wanita Umno Senator Norliza Abdul Rahim, yang berkata beliau menyokong niat NGO menawarkan wang kepada sesiapa yang berjaya menampar Kok.

"Saya terkejut sebagai seorang ahli politik wanita, beliau boleh menjadi begitu tidak sensitif kepada wanita lain dan menyokong tindakan menampar saya itu.

"Ia jelas menunjukkan beliau cuba mendapatkan publisiti murahan dan saya rasa beliau harus dihantar mengikuti kursus hak asasi manusia dan latihan psikologi," tambah beliau.

Norliza dipetik sebagai berkata gabungan itu tidak sepatutnya disalahkan atas ganjaran tunai mereka kerana mereka marah dengan video yang disifatkan sebagai rasis dan anti-agama . – 13 Februari, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/teresa-kok-disoal-polis-berhubung-video-kontroversi-onederful-malaysia>